
7 Rahman membeli sebuah komputer. Harga komputer itu termasuk cukai perkhidmatan 6% ialah RM1 431. Berapakah harga asal komputer itu?

A RM1 220.15
B RM1 280.10
C RM1 350.20
D RM1 345.14

8 Puan Sunitha membuat pinjaman perumahan sebanyak RM100 000 dengan faedah 4.5% setahun. Berapakah jumlah faedah yang perlu dibayar oleh Puan Sunitha dalam masa setahun?

A RM45
B RM450
C RM4 500
D RM45 000

9 Rajah di bawah menunjukkan invois yang tidak lengkap bagi barang yang dibeli oleh Salon Manja Enterprise.


INVOIS
KEDAI KOSMETIK SERIOJA
Jalan Kajang 7
34000 Perak
Tel: 05 312 1355

Salon Manja Enterprise
3, Lebuh Muhibbah 5
34000 Perak

No. Invois : 01256
Tarikh : 12 Ogos 2015

Kuantiti	Barang	Harga Seunit	Jumlah
20	Syampu Pisang	RM36	
16	Krim Rambut Deluxe	RM15	RM240
		Diskaun (10%)	
		Jumlah	

Ringgit Malaysia


Tunaikan Oleh

Pengurus

Berapakah jumlah harga yang perlu dibayar oleh Salon Manja Enterprise?

A RM96
B RM620
C RM864
D RM960

10 Rajah di bawah menunjukkan bil pembelian yang tidak lengkap.


GRAND SDN. BHD

Grand Sdn. Bhd
No. 19, Persiaran Harmoni A/2,
Taman Sejahtera,
60000 Selangor.
Tel: 03 5261 3225

Sos cili 5 x RM2.50
Kicap 5 x RM3.20
Mentega 1 x RM5.00 RM5.00
Jumlah

TERIMA KASIH. SILA DATANG LAGI

Sabtu 13/02/2016 9:45 a.m.

Felisya ingin menggunakan kupon rebat bernilai RM5. Kupon itu boleh digunakan bagi setiap pembelian RM20. Hitung jumlah wang yang perlu dibayar oleh Felisya.

A RM24.50
B RM28.50
C RM33.50
D RM34.50

11 Harga jual sehelai kemeja ialah RM116. Amirul membeli kemeja itu dengan harga RM87. Berapakah diskaun yang diperolehnya?

A 10%
B 15%
C 20%
D 25%

12 4% daripada gaji bulanan Sin Ming dipotong untuk cukai pendapatan. Jika Sin Ming dikenakan cukai pendapatan sebanyak RM80 sebulan, berapakah gaji bulanannya? KBAT Mengaplikasi

A RM1 920
B RM1 996
C RM2 000
D RM2 080

13 Rajah di bawah menunjukkan harga jual sebuah beg. KBAT Mengaplikasi



Harga kos beg itu ialah RM60. Beg itu dijual dan diberi diskaun sebanyak 40% sempena jualan penghabisan stok. Kedai itu telah mengalami

A kerugian 15%
B kerugian 40%
C keuntungan 15%
D keuntungan 40%

LIVEWORKSHEETS